

Received	25 July 2025	Accepted	25 July 2025
Revised	6 September 2025	Published	15 December 2025
Volume	7, December 2025	Pages	65-79
http://doi.org/			
To cite: Nur Syazwina Mustapa, et.al. 2025. Analisis Wacana Teks Arab dalam Kursus Bahasa Arab Akademik Lanjutan: Cadangan Strategi Analisis Teks Berstruktur. <i>Al-Qalam International Journal of Arabic Studies</i> . Vol. 7 (December 2025): 65-79. DOI: http://doi.org/			

Analisis Wacana Teks Arab dalam Kursus Bahasa Arab Akademik Lanjutan: Cadangan Strategi Analisis Teks Berstruktur

Discourse Analysis of Arabic Texts in Advanced Academic Arabic Courses: A Proposed Structured Text Analysis Strategy

Nur Syazwina Mustapa¹, Zuraida Shaadon², Faizah Jusoh³,
Moktar Hussain⁴ & Muhammad Zaimuddin Mohd Zakarim⁵

Abstrak

Kajian ini bertujuan mencadangkan strategi analisis teks bacaan berbahasa Arab yang berstruktur untuk diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran kursus Bahasa Arab Akademik Lanjutan di Fakulti Pengajian Islam, UKM. Dalam konteks pembelajaran bahasa peringkat lanjutan, masalah utama yang dikenal pasti ialah pelajar sukar menghubungkan maklumat mikro-teks (ayat) dengan makro-teks (keseluruhan teks) kerana tidak menguasai strategi membaca analitis. Kemahiran membaca analitis menjadi asas penting bagi pelajar untuk memahami struktur wacana, hubungan makna, dan strategi retorik dalam teks akademik Arab. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian literatur dan analisis dokumen teks bagi meneliti teori dan model analisis teks yang relevan, termasuk model Van Dijk (Teori Kognitif dan Kritis),

¹ Nur Syazwina Mustapa, Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. E-mel: syazwina@ukm.edu.my

² Zuraida Shaadon, Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. E-mel: zuraida@ukm.edu.my

³ Faizah Jusoh, Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. E-mel: faizah2020@ukm.edu.my

⁴ Moktar Hussain, Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. E-mel: moktar@ukm.edu.my

⁵ Muhammad Zaimuddin Mohd Zakarim, Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. E-mel: zaimuddin@ukm.edu.my

Halliday (Linguistik Sistemik-Fungsional) dan prinsip analisis wacana Arab tradisional (*Balaghah* dan *Nahu*). Dapatan kajian menunjukkan bahawa strategi bacaan berstruktur yang merangkumi pembacaan pra-analitis, pembacaan mikro-teks, pembacaan makro-teks, dan pembacaan reflektif dapat meningkatkan kefahaman pelajar terhadap ciri kohesi, koherens, organisasi idea, dan hubungan hujahan dalam teks Arab. Berdasarkan dapatan ini, kajian mencadangkan satu strategi analisis teks bacaan yang sistematik untuk digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab Akademik Lanjutan. Implikasi kajian menekankan kepentingan pembangunan modul pembelajaran berfokus analisis wacana bagi memperkukuh kemahiran membaca analitis pelajar di peringkat lanjutan.

Kata kunci: Strategi bacaan, analisis teks, Bahasa Arab Akademik Lanjutan, analisis wacana, kemahiran membaca analitis

Abstract

This study proposes a structured reading text analysis strategy for application in the teaching and learning of the Advanced Academic Arabic course at the Faculty of Islamic Studies, UKM. In the context of advanced language learning, the main problem identified is that students find it difficult to connect micro-text information (sentences) with macro-text meaning (overall text) due to a lack of mastery of analytical reading strategies. Analytical reading skills are a crucial foundation for students to understand discourse structure, meaning relationships, and rhetorical strategies in Arabic academic texts. This study employs a literature review and document analysis approach to examine relevant theories and models of text analysis, including Van Dijk's model (Cognitive and Critical Theory), Halliday's model (Systemic-Functional Linguistics), and principles of traditional Arabic discourse analysis (Balaghah and Nahu). The findings indicate that a structured reading strategy comprising pre-analytical reading, micro-text reading, macro-text reading, and reflective reading can enhance students' understanding of cohesion, coherence, idea organization, and argumentative relationships in Arabic texts. Based on these findings, the study proposes a systematic text analysis strategy for use in the teaching and learning of Advanced Academic Arabic. The study's implications emphasize the importance of developing learning modules focused on discourse analysis to strengthen students' analytical reading skills at the advanced level.

Keywords: Reading strategies, text analysis, Advanced Academic Arabic, discourse analysis, analytical reading skills

Pengenalan

Kemahiran membaca merupakan salah satu kemahiran asas dalam pembelajaran bahasa, khususnya pada peringkat lanjutan. Di peringkat ini, pelajar bukan sahaja dituntut untuk memahami makna ayat demi ayat (mikro-teks), tetapi juga perlu mengaitkan makna tersebut dengan keseluruhan teks (makro-teks) bagi memperoleh kefahaman yang mendalam dan menyeluruh. Walau bagaimanapun, kajian terdahulu menunjukkan bahawa pelajar yang mempelajari bahasa Arab di peringkat lanjutan sering menghadapi kesukaran dalam menghubungkan maklumat mikro-teks dengan makro-teks. Kekurangan penguasaan strategi membaca analitis menjadi salah satu faktor utama yang menghalang pemahaman mereka terhadap struktur wacana, hubungan makna dan strategi retorik dalam teks akademik Arab.

Dalam konteks pengajaran Bahasa Arab Akademik Lanjutan, pendekatan membaca tradisional yang hanya menekankan pemahaman perkataan atau ayat sahaja tidak mencukupi untuk membina kemahiran analisis wacana. Oleh itu, terdapat keperluan untuk membangunkan strategi bacaan berstruktur yang sistematik dan berasaskan teori, bagi membimbing pelajar meneliti teks secara menyeluruh, dari tahap mikro-teks hingga makro-teks, termasuk pemahaman terhadap kohesi, koherens, organisasi idea dan hubungan hujahan dalam teks.

Kajian ini bertujuan mencadangkan strategi analisis teks bacaan berstruktur yang boleh diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran kursus Bahasa Arab Akademik Lanjutan di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kajian menggunakan pendekatan kajian literatur dan analisis dokumen teks untuk meneliti teori dan model analisis teks yang relevan, termasuk model Van Dijk (Teori Kognitif dan Kritis), Halliday (Linguistik Sistemik-Fungsional) serta prinsip analisis wacana Arab tradisional seperti *Balaghah* dan *Nahu*. Dapatan kajian dijangka dapat membantu pelajar meningkatkan kefahaman terhadap teks akademik Arab, seterusnya memperkukuh kemahiran membaca analitis mereka.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk:

1. Mencadangkan strategi analisis teks bacaan berstruktur kursus Bahasa Arab Akademik Lanjutan.
2. Mengkaji teori dan model analisis teks bacaan yang relevan, iaitu model Van Dijk (Teori Kognitif dan Kritis), Halliday (Linguistik Sistemik-Fungsional) dan analisis wacana Arab tradisional seperti *Balaghah* dan *Nahu*.
3. Menilai kesesuaian strategi untuk diaplikasikan dalam dalam pengajaran dan pembelajaran kursus Bahasa Arab Akademik Lanjutan.

Sorotan Literatur

Kajian tentang pemahaman wacana menunjukkan bahawa pembacaan teks akademik melibatkan proses kognitif yang kompleks, khususnya dalam menghubungkan maklumat pada peringkat mikro-teks dengan struktur makro-teks. Van Dijk dan Kintsch (1983) menjelaskan bahawa pemahaman teks berlaku melalui pembentukan *macro structure* yang mewakili idea utama teks hasil daripada integrasi maklumat

ayat, inferens dan pengetahuan sedia ada pembaca. Menurut mereka, kelemahan pembaca dalam memahami teks panjang dan akademik sering berpunca daripada ketidakupayaan membina hubungan koheren (kesinambungan idea) antara unit-unit makna dalam teks. Model ini relevan dalam konteks pembelajaran Bahasa Arab peringkat lanjutan, di mana pelajar sering membaca secara terpisah pada peringkat ayat tanpa memahami keseluruhan wacana.

Dalam bidang pembelajaran bahasa kedua, kajian terdahulu mendapati bahawa penggunaan strategi membaca secara sedar dan berstruktur mempunyai hubungan positif dengan kefahaman bacaan. Oxford (1990) serta Grabe dan Stoller (2011) menegaskan bahawa pembaca yang berkesan menggunakan strategi seperti pra-pembacaan, membuat ramalan, analisis struktur teks dan refleksi selepas membaca. Dalam konteks Bahasa Arab, beberapa kajian tempatan menunjukkan bahawa pelajar kurang menguasai strategi membaca analitis dan lebih bergantung kepada terjemahan literal, terutamanya apabila berhadapan dengan teks akademik yang kompleks dan berunsur hujahan (Abdul Rahman & rakan-rakan, 2018). Keadaan ini menimbulkan jurang antara keupayaan linguistik dan keupayaan analisis wacana pelajar.

Pendekatan Linguistik Sistemik-Fungsional yang dikemukakan oleh Halliday dan Hasan (1985) pula menekankan bahawa teks harus difahami sebagai satu sistem makna yang berfungsi dalam konteks sosial tertentu. Melalui analisis kohesi (hubungan atau pertalian yang erat antara unsur-unsur linguistik (kata, frasa, ayat) dalam sesuatu teks atau wacana), tema-remaja dan hubungan logik antara klausa, pembaca dapat memahami bagaimana idea disusun dan dikembangkan dalam teks akademik. Pendekatan ini menyokong pembacaan makro-teks dan membolehkan pelajar mengenal pasti organisasi hujahan serta kesinambungan makna dalam wacana akademik Arab.

Selain pendekatan moden, tradisi keilmuan Arab turut menyediakan asas kukuh dalam analisis teks melalui ilmu *balaghah* dan *nahu*. Al-Jurjani (1992) melalui teori *nazm* menegaskan bahawa makna teks tidak terletak pada perkataan secara terpisah, tetapi pada hubungan dan susunan antara unsur bahasa. Prinsip ini sejajar dengan konsep koherens dalam analisis wacana moden. Walau bagaimanapun, kajian mendapati bahawa pendekatan *balaghah* sering diajar secara teori dan tidak diaplikasikan secara sistematik sebagai strategi membaca dalam bilik darjah Bahasa Arab moden (Hassan, 2015).

Secara keseluruhan, sorotan literatur menunjukkan keperluan untuk mengintegrasikan model kognitif pemahaman wacana (Van Dijk), pendekatan linguistik fungsional (Halliday) dan prinsip analisis teks Arab tradisional (*balaghah* dan *nahu*) bagi membangunkan satu strategi analisis bacaan yang berstruktur. Penggabungan ini berpotensi membantu pelajar memahami teks akademik Arab secara mikro dan makro, sekali gus meningkatkan kemahiran membaca analitis di peringkat lanjutan.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen dan kajian literatur secara sistematik. Pendekatan ini dipilih bagi membolehkan kajian ini mencapai objektifnya iaitu mencadangkan satu strategi analisis teks bacaan berbahasa

Arab yang berstruktur berdasarkan penelitian teori, model dan amalan sedia ada dalam bidang analisis wacana dan pengajaran bahasa Arab akademik, bukan untuk menguji hipotesis atau membuat generalisasi statistik.

Pendekatan kajian literatur digunakan bagi meneliti teori dan model analisis teks yang relevan, khususnya model pemahaman wacana Van Dijk dan Kintsch, pendekatan Linguistik Sistemik-Fungsional oleh Halliday, serta prinsip analisis teks dalam tradisi bahasa Arab seperti *balaghah* dan *nahu*. Literatur yang dianalisis merangkumi buku akademik, artikel jurnal, tesis dan laporan penyelidikan berkaitan pembelajaran bahasa, strategi membaca, dan analisis wacana. Pemilihan literatur dibuat berdasarkan kesesuaian kandungan, autoriti pengarang dan kerelevanan dengan konteks pembelajaran Bahasa Arab Akademik Lanjutan di peringkat universiti.

Responden Kajian

Kajian ini tidak melibatkan responden secara langsung kerana ia menggunakan pendekatan kajian kualitatif berasaskan analisis dokumen dan kajian literatur. Oleh itu, tiada pemilihan sampel responden atau pengumpulan data lapangan dijalankan. Fokus kajian adalah kepada analisis teori, model dan teks bertulis yang berkaitan dengan pembelajaran dan analisis teks bacaan Bahasa Arab akademik.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian dibangunkan bagi membolehkan analisis teks dan literatur dijalankan secara sistematik dan berfokus selaras dengan objektif kajian. Instrumen utama kajian ialah:

a. Set Kriteria Analisis Teks Bacaan Berbahasa Arab:

Set Kriteria Analisis Teks Bacaan Berbahasa Arab dibangunkan berdasarkan gabungan model analisis wacana moden dan pendekatan tradisional Bahasa Arab. Kriteria analisis ini merangkumi empat komponen utama, iaitu pembacaan pra-analitis, analisis mikro-teks, analisis makro-teks dan pembacaan reflektif. Bagi setiap komponen, beberapa indikator khusus dikenal pasti, seperti pengenalanpastian tujuan teks dan konteks penulisan, analisis struktur ayat dan kohesi leksikal, penentuan tema utama dan organisasi idea, serta penilaian hubungan hujahan dan implikasi makna teks secara keseluruhan.

Jadual 1: Set Kriteria Analisis Teks Bacaan Berbahasa Arab

Bil.	Komponen Analisis	Kriteria Analisis
1.	Pembacaan Pra-Analitis	Mengenal pasti tajuk dan genre/ jenis teks.
		Menentukan tujuan penulisan / maksud umum teks.
		Mengenal pasti kata kunci dan istilah utama.
		Menentukan tahap kesukaran teks secara umum.

2.	Analisis Mikro-Teks	Morfologi (<i>Ilm al-Sarf</i>): Mengkaji pembentukan kata seperti kata dasar, imbuhan, pola kata (<i>awzan</i>) dan perubahan bentuk kata (<i>tasrif</i>). Sintaksis (<i>Ilm al-Nahw</i>): Menganalisis struktur ayat, kedudukan kata (<i>mubtada'</i>, <i>khabar</i>, <i>fi'il</i>, <i>fail</i>, <i>maf'ul bih</i>), tanda baca dan fungsi tatabahasa dalam ayat. Fonologi & Fonetik: Memahami bunyi-bunyi bahasa Arab dan cara pengucapannya. Leksikal (Kosa Kata): Memahami makna kata, sinonim, antonim dan penggunaan kata dalam konteks tertentu. Kohesi (Kata Penghubung/ Penanda Wacana): Mengkaji fungsi penanda wacana dari segi peranan makna. Semantik: Mengkaji makna kata dan ayat secara mendalam dan menilai penggunaan gaya bahasa / retorik (<i>Balaghah</i>).
3.	Analisis Makro-Teks	Konteks (<i>as-Siyah</i>): Memahami latar belakang penulisan (sosial, budaya, sejarah) dan situasi. Tema (<i>al-Fikrah ar-Ra'isiyyah</i>): Menentukan idea utama yang ingin disampaikan dan tujuan keseluruhan penulisan. Struktur Teks (<i>Binyah an-Nas</i>): Menganalisis susunan teks secara keseluruhan (pendahuluan, isi dan penutup) dan fungsi setiap bahagian. Hubungan antara perenggan: Bagaimana perenggan-perenggan saling berkaitan dalam menyampaikan idea utama.
4.	Pembacaan Reflektif	Mengaitkan makna mikro-teks dengan makro-teks. Menilai implikasi wacana terhadap pemikiran kritis pembaca. Menilai strategi retorik dan kesan gaya bahasa Membuat refleksi peribadi atau akademik.

b. Senarai Semak Analisis Wacana:

Selain itu, kajian ini turut menggunakan Senarai Semak Analisis Wacana yang dibina berasaskan teori Van Dijk, pendekatan *Linguistik Sistemik-Fungsional* oleh Halliday, serta prinsip *balaghah* dan *nahu* Arab. Senarai semak ini berfungsi sebagai panduan sistematik dalam meneliti ciri-ciri kohesi, koherens, struktur hujahan dan strategi retorik dalam teks bacaan akademik Arab. Penggunaan senarai semak ini membantu memastikan konsistensi dan ketelitian dalam proses analisis dokumen teks.

Jadual 2: Senarai Semak Analisis Wacana

Tajuk Teks : _____
 Penulis/ Sumber : _____
 Tahun/ Tarikh : _____

Bil.	Dimensi Analisis	Kriteria / Soalan Semak	Ya / Tidak / Catatan
1.	Struktur Ayat & Nahw	Adakah subjek (<i>mubtada</i> ') dan predikat (<i>khavar</i>) dikenalpasti?	☐ Ya ☐ Tidak ☐ Catatan: _____
		Adakah <i>fi'il</i> , <i>maf'ul bih</i> , dan <i>idafah</i> dianalisis dengan betul?	☐ Ya ☐ Tidak ☐ Catatan: _____
		Adakah kata ganti tersambung (<i>ضمير متصل</i>) dan klausa kompleks difahami?	☐ Ya ☐ Tidak ☐ Catatan: _____
2.	Kohesi Leksikal & Gramatikal (Halliday)	Adakah pengulangan kata atau sinonim digunakan untuk kesinambungan makna?	☐ Ya ☐ Tidak ☐ Catatan: _____
		Adakah hubungan antonim, kontras, atau perbandingan antara klausa dikenalpasti?	☐ Ya ☐ Tidak ☐ Catatan: _____
		Adakah penghubung koordinatif / subordinatif dan struktur paralel diperhatikan?	☐ Ya ☐ Tidak ☐ Catatan: _____
3.	Makrostruktur & Koherens (Van Dijk)	Adakah tema utama dan sub-tema teks dikenalpasti?	☐ Ya ☐ Tidak ☐ Catatan: _____
		Adakah organisasi idea (general → spesifik → kontras) jelas?	☐ Ya ☐ Tidak ☐ Catatan: _____
		Adakah hubungan logik antara klausa dan perenggan dipantau untuk koherens?	☐ Ya ☐ Tidak ☐ Catatan: _____
		Adakah strategi hujahan / argumentasi penulis difahami?	☐ Ya ☐ Tidak ☐ Catatan: _____
4.	Gaya Bahasa / Retorik (Balaghah)	Adakah <i>majaz</i> , <i>isti'arah</i> , <i>tashbih</i> , atau susunan makna (<i>nazm</i>) dikenalpasti?	☐ Ya ☐ Tidak ☐ Catatan: _____
		Adakah penekanan melalui pengulangan kata atau susunan klausa diperhatikan?	☐ Ya ☐ Tidak ☐ Catatan: _____
		Adakah gaya bahasa digunakan untuk menekankan idea atau mempengaruhi pembaca?	☐ Ya ☐ Tidak ☐ Catatan: _____
5.	Pembacaan Reflektif / Implikasi Kognitif	Adakah hubungan mikro-teks dan makro-teks dianalisis?	☐ Ya ☐ Tidak ☐ Catatan: _____

Adakah implikasi wacana terhadap pemikiran kritis atau refleksi pembaca dikenalpasti?	☐ Ya ☐ Tidak ☐ Catatan: _____
Adakah pembaca dapat memahami makna secara menyeluruh dari ayat ke wacana penuh?	☐ Ya ☐ Tidak ☐ Catatan: _____

c. Borang Analisis Dokumen:

Instrumen sokongan kajian pula terdiri daripada Borang Analisis Dokumen yang digunakan untuk merekodkan dapatan analisis secara teratur dan berperingkat. Borang ini membolehkan penyelidik mendokumentasikan pemerhatian terhadap setiap teks yang dianalisis, termasuk aspek linguistik, struktur wacana dan hubungan makna, serta membuat perbandingan antara teks yang berbeza.

Jadual 3: Borang Analisis Dokumen

A. Maklumat Umum Teks:

Tajuk Teks : _____
 Penulis/ Sumber : _____
 Tahun/ Tarikh : _____

B. Pembacaan Pra-Analisis:

Aspek	Pemerhatian / Catatan
Tujuan penulisan teks	
Konteks wacana (akademik / ilmiah / hujahan)	
Istilah dan kata kunci utama	
Gambaran umum maksud teks	

C. Analisis Mikro-Teks (Aspek Linguistik):

Aspek Analisis	Pemerhatian / Contoh Ayat
Struktur ayat (<i>mubtada' khabar, fi'il, maf'ul bih, idafah</i>)	
Kohesi leksikal (pengulangan kata, sinonim, antonim)	
Kohesi gramatikal (penghubung, kata ganti, struktur paralel)	
Penggunaan kata kerja aktif / pasif	
Unsur balaghah (<i>majaz, isti'arah, nazm, penekanan</i>)	

D. Analisis Makro-Teks (Struktur Wacana):

Aspek Analisis	Pemerhatian / Catatan
Tema utama teks	
Sub-tema / idea sokongan	
Organisasi idea (umum → khusus → kontras)	
Hubungan hujahan antara perenggan / klausa	
Tahap koherens keseluruhan teks	

E. Hubungan Makna & Interpretasi:

Aspek	Pemerhatian / Catatan
Hubungan mikro-teks dengan makro-teks	
Hubungan semantik antara klausa	
Implikasi makna terhadap pembaca	
Kesan wacana / strategi retorik	

F. Pembacaan Reflektif:

Aspek Refleksi	Catatan Refleksi
Kefahaman keseluruhan teks	
Sumbangan teks kepada pemikiran kritis	
Kesesuaian teks untuk pengajaran Bahasa Arab akademik	
Cadangan penambahbaikan / pengajaran	

G. Perbandingan Antara Teks (Jika Lebih Daripada Satu Teks):

Aspek Perbandingan	Teks A	Teks B	Catatan
Struktur ayat & gaya bahasa			
Organisasi wacana			
Tahap kohesi & koherens			
Strategi hujahan			

H. Rumusan Analisis Dokumen:**Ringkasan Dapatan Utama:**

Implikasi terhadap Strategi Analisis Teks Bacaan:

Bagi memastikan kesahan kandungan instrumen, instrumen analisis yang dibangunkan telah disemak oleh tenaga pengajar pakar dalam bidang Bahasa Arab dan analisis wacana. Semakan ini bertujuan memastikan kesesuaian indikator, kejelasan kriteria dan kebolehgunaan instrumen dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab Akademik Lanjutan. Secara keseluruhannya, instrumen kajian ini membolehkan analisis teks bacaan dijalankan secara sistematik, berstruktur dan berasaskan teori yang kukuh.

Pelaksanaan Kajian


Kajian ini dilaksanakan secara berperingkat dan sistematik selaras dengan pendekatan kajian kualitatif yang digunakan. Pada peringkat awal, penyelidik menjalankan kajian literatur bagi mengenal pasti isu, konsep dan teori yang berkaitan dengan strategi membaca analitis, analisis wacana dan pembelajaran Bahasa Arab akademik peringkat lanjutan. Literatur yang relevan dikumpulkan daripada sumber-sumber akademik seperti buku, artikel jurnal, tesis dan prosiding persidangan yang berkaitan dengan model Van Dijk, *Linguistik Sistemik-Fungsional* Halliday serta pendekatan analisis teks dalam tradisi Bahasa Arab.


Pada peringkat seterusnya, penyelidik memilih dokumen teks bacaan Bahasa Arab akademik yang digunakan dalam kursus Bahasa Arab Akademik Lanjutan di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Pemilihan teks dilakukan secara bertujuan berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan, iaitu kesesuaian tahap akademik, kejelasan struktur wacana, serta kewujudan unsur hujahan dan organisasi idea yang kompleks. Teks-teks yang dipilih kemudiannya disemak bagi memastikan kesahihan dan kerelevanannya dengan objektif kajian.

Selepas pemilihan dokumen, instrumen kajian yang merangkumi set kriteria analisis teks dan senarai semak analisis wacana diaplikasikan secara sistematik terhadap teks-teks yang telah dikenal pasti. Analisis dijalankan secara berperingkat, bermula dengan pembacaan pra-analitis bagi mengenal pasti konteks, tujuan dan genre teks. Seterusnya, analisis mikro-teks dilakukan dengan meneliti struktur ayat, penggunaan kohesi leksikal dan gramatikal serta hubungan semantik antara klausa. Analisis makro-teks pula memberi tumpuan kepada pengenalanpastian tema utama, organisasi idea dan hubungan hujahan keseluruhan teks. Akhir sekali, pembacaan reflektif dijalankan bagi menilai implikasi makna dan keberkesanan strategi wacana yang digunakan oleh penulis teks.

Setiap dapatan analisis direkodkan secara sistematik menggunakan borang analisis dokumen bagi membolehkan perbandingan antara teks dan pengesanan pola yang berulang. Dapatan daripada analisis literatur dan dokumen teks kemudiannya dibandingkan dan disintesis bagi mengenal pasti elemen-elemen utama yang menyokong pembangunan strategi analisis teks bacaan berstruktur.

Pada peringkat akhir, satu kerangka strategi analisis teks bacaan berbahasa Arab dibangunkan berdasarkan hasil sintesis tersebut. Kerangka ini kemudiannya disemak oleh tenaga pengajar pakar dalam bidang Bahasa Arab dan pengajaran bahasa bagi menilai kesesuaian, kejelasan dan kebolegunaan strategi yang dicadangkan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab Akademik Lanjutan. Maklum balas pakar digunakan untuk menambah baik dan memurnikan strategi sebelum dirumuskan sebagai dapatan kajian. Dilampirkan rajah prosedur kajian.





Analisis Data

Analisis data dalam kajian ini dijalankan secara kualitatif melalui kaedah analisis kandungan dan analisis wacana terhadap dokumen teks bacaan Bahasa Arab akademik serta sumber literatur yang berkaitan. Proses analisis bertujuan mengenal pasti pola, tema dan prinsip utama yang menyokong pembangunan strategi analisis teks bacaan berstruktur bagi pembelajaran Bahasa Arab Akademik Lanjutan.

Pada peringkat awal, semua dokumen teks dan literatur yang dipilih dibaca secara menyeluruh bagi memperoleh pemahaman umum terhadap kandungan, konteks dan struktur teks. Seterusnya, analisis dilakukan secara berperingkat menggunakan instrumen kajian yang telah dibangunkan. Analisis mikro-teks dijalankan dengan meneliti struktur ayat, penggunaan kohesi leksikal dan gramatikal, serta hubungan semantik antara klausa berdasarkan pendekatan Linguistik Sistemik-Fungsional dan prinsip *nahu* Arab. Dapatan pada peringkat ini direkodkan bagi mengenal pasti bagaimana makna dibina pada peringkat ayat dan perenggan.

Analisis makro-teks pula memberi tumpuan kepada pengenalpastian tema utama, organisasi idea dan hubungan hujahan keseluruhan teks. Analisis ini berasaskan model pemahaman wacana Van Dijk yang menekankan pembentukan makrostruktur dan koherens teks. Melalui analisis ini, penyelidik meneliti bagaimana idea utama dikembangkan, bagaimana hujahan disusun, serta bagaimana hubungan antara bahagian teks menyumbang kepada makna keseluruhan wacana.

Selain itu, prinsip *balaghah* digunakan dalam analisis untuk menilai aspek retorik dan keindahan bahasa, termasuk penggunaan gaya bahasa, susunan makna (*nazm*) dan kesan komunikatif teks. Analisis ini membantu menjelaskan hubungan antara pilihan bahasa penulis dengan tujuan wacana dan kesan terhadap pembaca, khususnya dalam konteks teks akademik Arab.

Setiap dapatan analisis dikodkan secara tematik berdasarkan kategori yang telah ditetapkan, seperti kohesi, koherens, organisasi idea dan strategi hujahan. Proses pengkodan ini membolehkan perbandingan antara teks serta pengesanan pola yang berulang. Dapatan daripada analisis dokumen teks kemudiannya disintesis dengan hasil kajian literatur bagi membentuk satu kerangka strategi analisis teks bacaan yang berstruktur dan berasaskan teori.

Bagi meningkatkan kebolehpercayaan analisis, triangulasi teori dilakukan dengan membandingkan dapatan daripada pelbagai pendekatan analisis, iaitu teori kognitif wacana, linguistik fungsional dan analisis teks Arab tradisional. Di samping itu, semakin tenaga pengajar pakar digunakan bagi mengesahkan interpretasi dapatan dan memastikan kesesuaian cadangan strategi dengan konteks pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab Akademik Lanjutan.

Jangkaan Dapatan Kajian

Kajian ini dijangka menghasilkan satu kerangka strategi analisis teks bacaan berbahasa Arab yang berstruktur dan sistematik untuk diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran kursus Bahasa Arab Akademik Lanjutan. Strategi yang dicadangkan dijangka merangkumi beberapa fasa utama, iaitu pembacaan pra-analitis, analisis mikro-teks, analisis makro-teks dan pembacaan reflektif, yang saling melengkapi dalam membantu pelajar memahami teks akademik secara menyeluruh.

Dari segi kefahaman teks, kajian ini dijangka menunjukkan bahawa penggunaan strategi analisis teks bacaan berstruktur dapat membantu pelajar menghubungkan maklumat pada peringkat ayat dengan makna keseluruhan teks. Pelajar dijangka dapat mengenal pasti ciri kohesi dan koherens dengan lebih jelas, memahami organisasi idea serta meneliti hubungan hujahan dalam teks akademik Arab secara lebih mendalam berbanding pembacaan secara literal dan terpisah.

Selain itu, kajian ini dijangka mendapati bahawa integrasi teori analisis wacana moden dengan prinsip analisis teks Arab tradisional mampu memperkukuh kemahiran membaca analitis pelajar. Pendekatan bersepadu ini dijangka membantu pelajar memahami bukan sahaja aspek linguistik teks, malah aspek retorik, tujuan wacana dan kesan komunikatif penulisan akademik Arab. Hal ini berpotensi meningkatkan keupayaan pelajar menilai teks secara kritis dan reflektif.

Dapatan kajian juga dijangka menyumbang kepada pembangunan bahan pengajaran dan modul pembelajaran Bahasa Arab Akademik Lanjutan yang lebih berfokus kepada analisis wacana. Strategi yang dicadangkan dijangka boleh dijadikan panduan kepada tenaga pengajar dalam merancang aktiviti pembacaan yang lebih berstruktur dan berorientasikan pemikiran aras tinggi, selaras dengan keperluan pembelajaran bahasa di peringkat universiti.

Secara keseluruhannya, kajian ini dijangka dapat memberikan sumbangan dari segi teori dan amalan dalam bidang pengajaran Bahasa Arab akademik, khususnya dalam memperkukuh kemahiran membaca analitis pelajar peringkat lanjutan serta mengurangkan jurang antara penguasaan linguistik dan pemahaman wacana teks akademik Arab.

Kesimpulan

Kajian ini menekankan kepentingan pembangunan strategi analisis teks bacaan berstruktur dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab Akademik Lanjutan. Berdasarkan kajian literatur dan analisis dokumen teks, didapati bahawa pelajar menghadapi kesukaran menghubungkan maklumat mikro-teks (ayat) dengan makro-teks (keseluruhan teks) disebabkan kekurangan penguasaan strategi membaca analitis. Integrasi teori moden, termasuk model Van Dijk dan Linguistik Sistemik-

Fungsional Halliday, bersama prinsip tradisional Bahasa Arab seperti *balaghah* dan *nahu*, menyediakan asas yang kukuh untuk membangunkan strategi analisis teks yang sistematik. Strategi ini merangkumi fasa pembacaan pra-analitis, mikro-teks, makro-teks dan pembacaan reflektif, yang berpotensi meningkatkan kefahaman pelajar terhadap kohesi, koherens, organisasi idea, serta hubungan hujahan dalam teks akademik Arab.

Secara keseluruhannya, kajian ini menyimpulkan bahawa strategi bacaan berstruktur bukan sahaja membantu pelajar memahami teks secara lebih menyeluruh, tetapi juga menggalakkan kemahiran pemikiran kritis dan reflektif dalam membaca teks akademik yang kompleks.

Implikasi

Dari sudut pedagogi, dapatan kajian ini menekankan kepentingan pembangunan modul dan aktiviti pengajaran berfokus analisis wacana bagi memperkukuh kemahiran membaca analitis pelajar di peringkat lanjutan. Pensyarah boleh menggunakan strategi yang dicadangkan sebagai panduan dalam merancang sesi pembelajaran, termasuk latihan pra-analisis teks, pembacaan berfokus pada struktur dan makna ayat, penentuan tema dan organisasi idea, serta aktiviti reflektif untuk menilai hujahan dan makna keseluruhan teks.

Dari sudut penyelidikan, kajian ini membuka peluang untuk kajian lanjutan yang melibatkan pelaksanaan strategi ini secara empirikal dalam bilik darjah, termasuk penilaian kesannya terhadap prestasi pembacaan dan pemahaman wacana pelajar. Selain itu, strategi yang dibangunkan juga boleh disesuaikan untuk pengajaran bahasa Arab dalam konteks lain, seperti teks Islam kontemporari, teks saintifik atau teks sastera bagi memperluaskan impak kajian terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab secara lebih menyeluruh.

Secara ringkas, kajian ini bukan sahaja menyumbang kepada pembangunan strategi pembelajaran Bahasa Arab akademik, malah memberikan panduan praktikal untuk memperkukuh kemahiran membaca analitis dan pemahaman wacana pelajar peringkat lanjutan, sekali gus meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di institusi pengajian tinggi.

Rujukan

1. Abdul Rahman, N., Zailani, M. A., & Ismail, A. 2018. *Tahap penggunaan strategi bacaan dalam aktiviti kefahaman bacaan teks Bahasa Arab*. *Journal of Arabic Language Education*, 8(2), 45–60.
2. Ahmad, N., & Kamaruddin, H. 2021. *Cabaran penguasaan teks akademik bahasa Arab dalam kalangan pelajar universiti di Malaysia*. *Jurnal Pendidikan Bahasa Arab*, 12(2), 55–68. Universiti Malaya Press.
3. Fairclough, N. 1995. *Critical discourse analysis: The critical study of language*. London: Longman.
4. Grabe, W., & Stoller, F. L. 2011. *Teaching and researching reading*. (2nd ed.). London: Routledge.
5. Halliday, M. A. K., & Hasan, R. 1976. *Cohesion in English*. London: Longman.

6. Halliday, M. A. K., & Hasan, R. 1985. *Language, context, and text: Aspects of language in a social semiotic perspective*. (2nd ed.). Victoria: Deakin University Press.
7. Hassan, M. K. 2015. *Pengajaran balaghah dalam pembelajaran Bahasa Arab di institusi pengajian tinggi*. Jurnal Bahasa Arab, 12(1), 23–38.
8. Al-Jurjani, ‘Abd al-Qahir. 1992. *Dala’il al-I’jaz*. Kaherah: Maktabah al-Khaniji.
9. Al-Jurjani, ‘Abd al-Qahir. 1998. *Asrar al-Balaghah*. Kaherah: Dar al-Ma’arif.
10. Mahfouz, S. 2020. *Text analysis as a pedagogical tool: Enhancing critical reading skills in Arabic as a foreign language*. Arab World English Journal, 11(3), 145–160. Arab Society of English Language Studies.
11. Nassaji, H. 2016. *The role of input, output, and explicit instruction in second language acquisition*. *Language Teaching Research*, 20(3), 317–340. SAGE Publications.
12. Oxford, R. L. 1990. *Language learning strategies: What every teacher should know*. Boston, MA: Heinle & Heinle.
13. Richards, J. C., & Schmidt, R. 2010. *Longman dictionary of language teaching and applied linguistics*. (4th ed.). London: Longman.
14. Al-Said, M. 2018. *Authentic texts and academic literacy development in Arabic language learning*. *Journal of Arabic Linguistics*, 9(1), 22–40. Arab Linguistics Association.
15. Swales, J. M., & Feak, C. B. 2012. *Academic writing for graduate students: Essential tasks and skills* (3rd ed.). Ann Arbor: University of Michigan Press.
16. Van Dijk, T. A. 1980. *Macrostructures: An interdisciplinary study of global structures in discourse, interaction, and cognition*. Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
17. Van Dijk, T. A., & Kintsch, W. 1983. *Strategies of discourse comprehension*. New York, NY: Academic Press.
18. Vygotsky, L. S. 1978. *Mind in society: The development of higher psychological processes*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
19. Widdowson, H. G. 2007. *Discourse analysis*. Oxford: Oxford University Press.
20. Yusoff, M. A., & Hassan, R. 2019. *Pendekatan konstruktivisme dalam pengajaran bahasa Arab: Satu analisis teori dan aplikasi*. *Jurnal Linguistik dan Pendidikan*, 4(1), 77–92. Universiti Kebangsaan Malaysia Press.